

PM lancar kapal kawal tumpahan minyak

JOHOR BAHRU 30 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan kapal kawalan tumpahan minyak pertama milik syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. (KAJ) yang dinamakan 'Seri Endon'.

Majlis pelancaran dan penamaan kapal berkenaan berlangsung di Ibu Pejabat Jabatan Laut Wilayah Selatan, Gelang Patah, di sini hari ini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri mengingatkan semua pihak supaya bekerjasama dalam memelihara kualiti air

Selat Melaka dan Selat Tebrau agar tidak tercemar oleh mereka yang menggunakan perairan itu.

"Jabatan Alam Sekitar, Polis Marin dan Angkatan Penguatkuasaan Maritim Malaysia perlu bekerjasama dalam menjalankan operasi memelihara dan membersihkan kawasan perairan itu.

"Inisiatif yang dilakukan oleh KAJ yang membina sebuah kapal kawalan tumpahan minyak itu sangatlah dialu-alukan," katanya.

Abdullah berkata, langkah yang diambil oleh syarikat itu akan memberi perkhidmatan dengan baik dan cekap dalam bertindak jika berlaku kejadian tumpahan minyak di perairan negara ini.

Beliau berharap syarikat terbabit akan memperbanyakkan kemudahan itu dengan peralatan yang canggih dari semasa ke semasa bagi tujuan tersebut.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Pengarah Urusan KAJ, Datuk M. Yahya A Hamid dan barisan Exco kerajaan negeri.

Sementara itu, M. Yahya dalam ucapannya berkata, 'Seri Endon' iaitu kapal jenis Catamaran berukuran 24 metier Panjang dan Sembilan meter lebar itu akan digunakan untuk memberi perkhidmatan di perairan Tanjung Pelepas negeri ini.

Beliau berkata, kapal tersebut dilengkapi dengan peralatan melawan tumpahan minyak peralatan kebakaran dan menyelamatkan, peralatan menyelam dan simulasi.

Tambahnya, antara perkhidmatan yang disediakan ialah bertindak balas serta menjalankan operasi pembersihan tumpahan minyak daripada aktiviti pemindahan kapal ke kapal dalam jangka masa 30 minit yang telah ditetapkan oleh Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.

Katanya, selain itu ia berupaya menjalankan kerja-kerja pemantauan bagi kejadian pembuangan sisa haram dari kapal serta bersedia melawan kebakaran yang berpunca dari api kebakaran dalaman.